



TEKS UCAPAN

**YB DATUK WIRA HALIMAH BINTI MOHAMED SADIQUE
TIMBALAN MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

SEMPENA

**MAJLIS PENYAMPAIAN WATIKAH PELANTIKAN
JAWATANKUASA PERWAKILAN PENDUDUK
SESI 2016-2018 DAN PENGANUGERAHAN PENARAFAN
BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN 2016
BAGI NEGERI MELAKA**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2017 (AHAD)
MASA : 1.30 TENGAH HARI – 5.30 PETANG
TEMPAT : DEWAN SERI NEGERI,
AYER KEROH MELAKA**

ALUAN

Yang saya muliakan, Saudara/Saudari Pengacara Majlis,

Yang Amat Berhormat Datuk Seri Utama Ir. Haji Idris bin Haji
Haron

Ketua Menteri Melaka

Yang Berhormat Datuk Ar. Haji Ismail bin Haji Othman
Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar
dan Alam Sekitar

Yang Berhormat Datuk Seri Haji Naim bin Abu Bakar
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka

Yang Berusaha Tuan Haji Zamri bin Salleh
Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar)
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan
Tempatan

Ketua-ketua Jabatan, Bahagian dan Agensi

Wakil-wakil Pihak Media

Yang Berbahagia Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Anggota Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) yang saya hormati sekalian,

**Assalamualaikumwarahmatullahi wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Negeraku Malaysia.**

1. Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya dapat kita semua hadir dan berkumpul di Majlis Penyampaian Watakah Pelantikan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk Sesi 2017-2019 dan Penganugerahan Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan 2016 Bagi Negeri Melaka.

2. Pada hari ini, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Melaka khususnya Yang Amat Berhormat Datuk Seri Utama Ir. Haji Idris bin Haji Haron, Ketua Menteri Melaka yang telah sudi hadir ke majlis hari ini.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

3. Sekalung tahniah dan syabas diucapkan kepada 960 orang Anggota JPP Negeri Melaka yang telah dilantik bagi penggal kedua

sesi 2016-2018. Pelantikan ini telah menjadikan Negeri Melaka mencapai 100% keanggotaan JPP yang lengkap mengikut zon.

4. Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) selaku Pihak Berkuasa Melantik Anggota JPP amat berterima kasih atas kesediaan YBhg. Dato'/tuan/puan dalam usaha mengalas amanah yang telah dipertanggungjawabkan khususnya dalam membantu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat.

5. Oleh yang demikian, sukacita YBhg. Dato'/tuan/puan diingatkan perlu supaya lebih fokus dalam memainkan peranan sebagai Anggota JPP supaya tidak tersasar daripada matlamat asal tiga (3) objektif utama penubuhan JPP seperti berikut :

- (i) menggalakkan penyertaan penduduk dalam program dan pembangunan kawasan setempat;
- (ii) membantu menangani isu-isu kesejahteraan bandar dan seterusnya meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan; dan
- (iii) mewujudkan hubungan yang baik antara masyarakat di kawasan kejiranan setempat.

6. Untuk makluman, sehingga 30 November 2017, sebanyak 2,272 zon JPP telah ditubuhkan di seluruh Semenanjung dan seramai 18,594 Anggota JPP yang telah dilantik. Ini adalah selaras dengan Bab 3 Bidang Fokus B Rancangan Malaysia Ke Sebelas iaitu untuk memperkasa komuniti untuk membina masyarakat yang produktif dan sejahtera. Maka dengan itu, wujudlah JPP.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

7. Peranan Anggota JPP yang telah dilantik adalah penting. Ini adalah kerana menjadi hasrat Kerajaan supaya JPP bergerak sebagai satu entiti yang dianggotai oleh wakil masyarakat setempat yang berpengaruh (*opinion leader*) di dalam kawasan bandar dan mewakili suara serta aspirasi penduduk bandar. Kerajaan sedar peranan untuk menangani isu-isu perbandaran yang semakin kompleks bukan terletak di tangan Kerajaan semata-mata sebaliknya ia perlu ditangani secara bersama.

8. JPP yang mula ditubuhkan secara berperingkat mulai bulan Julai 2014 adalah merupakan satu mekanisme yang tepat, komprehensif dan menyeluruh yang merangkumi seluruh kawasan perbandaran bagi menangani isu-isu kesejahteraan bandar. JPP merupakan pelengkap (*compliment*) kepada semua pertubuhan dan organisasi sedia ada di dalam kawasan perbandaran. Pada hemat

saya, pengiktirafan JPP merupakan satu inisiatif yang memberi penghargaan kepada masyarakat bandar keseluruhannya.

9. JPP yang khusus diwujudkan di kawasan PBT turut berperanan sebagai jentera transformasi sosial di kawasan bandar. Penyertaan JPP juga mampu mewujudkan sistem kepimpinan secara tersusun di kawasan bandar untuk menggembeleng pembabitan penduduk bandar yang mempunyai pelbagai latar belakang pendidikan, pekerjaan dan pengalaman dalam isu-isu setempat. Selain itu, JPP berperanan sebagai penghubung antara komuniti bandar dengan Kerajaan untuk memupuk semangat kejiranan, permuafakatan dan perpaduan sekali gus mewujudkan ikatan emosi antara masyarakat bandar.

10. Bagi memantapkan lagi peranan dan membantu JPP di Melaka ini, KPKT telah menyalurkan Pemberian Peruntukan Khas KPKT berjumlah RM30,000 kepada setiap 4 Ahli Parlimen iaitu Masjid Tanah, Alor Gajah, Tangga Batu dan Jasin. Peruntukan tersebut telah disalurkan pada 7 Mac 2017. Ia adalah bagi penganjuran program/aktiviti bersama JPP yang meliputi:

- (i) Program Gerak Kerja JPP; dan
- (ii) Program Ramah Mesra Bersama Masyarakat.

11. Sehubungan itu, saya berharap program-program tersebut dapat meninggalkan impak yang positif kepada rakyat serta memantapkan lagi peranan JPP dalam mewar-warkan program-program yang dikendalikan oleh Kerajaan kepada rakyat.

12. Sementara itu, bagi mempromosi JPP sebagai inisiatif Kerajaan untuk mewujudkan struktur formal di kawasan bandar, KPKT telah membina sebanyak 70 buah *Centre of Urban Wellbeing* (CUBE) bagi kegunaan JPP di seluruh negara. Bagi Negeri Melaka sebanyak lapan (8) CUBE telah diwujudkan dengan peruntukan sebanyak RM880,000.00. Diharap dengan pewujudan CUBE tersebut akan dapat memantapkan lagi peranan JPP di Negeri Melaka dengan lebih cemerlang. Saya pasti kecemerlangan JPP akhirnya akan dapat memberi manfaat kepada rakyat secara langsung.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

13. KPKT juga telah melancarkan Buku Gerak Kerja JPP pada 26 Mac 2016 bagi membantu JPP merancang dan melaksanakan aktiviti dan program kemasyarakatan mengikut keperluan penduduk bandar. Buku Gerak Kerja ini harus dijadikan panduan kepada semua Anggota JPP yang dilantik khusus dalam melaksanakan program di bawah inisiatif Kementerian. Terdapat enam (6) inisiatif

Program Gerak Kerja telah dirangka khas dari segi aspek keselamatan, kesihatan kebersihan dan keindahan iaitu:

- (i) Gerak Kerja Komuniti Bomba
 - MyBOMBA JPP

- (ii) Gerak Kerja Komuniti Selamat
 - MySaferList
 - Tangan Bersalaman

- (iii) Gerak Kerja Komuniti Sihat
 - COMBI-LA21

- (iv) Gerak Kerja Komuniti Bersih
 - 3R4Life
 - KomSis (Pengkomposan Sisa)
 - 2C (Clean & Clear)

- (v) Gerak Kerja Komuniti Indah (*1 Park 1 Community*)
 - Kejiranan Hijau
 - Kebun Komuniti
 - i-MAN

- (vi) Gerak Kerja Komuniti Sejahtera
 - Kanta Komuniti

14. Buku Gerak Kerja JPP ini telah pun diedarkan kepada semua Pengerusi JPP dan PBT semasa majlis pelancaran Buku Gerak Kerja JPP tersebut dan boleh juga dimuat turun melalui Portal JPP di laman sesawang jpp.kpkt.gov.my.

15. Untuk makluman para hadirin sekalian, KPKT kini dalam peringkat pengemaskinian Buku Gerak Kerja JPP dengan tambahan satu inisiatif baharu di bawah Gerak kerja Komuniti Bersih iaitu Pengurusan Tandas Awam. Inisiatif ini diwujudkan bagi memberikan kesedaran tentang kepada komuniti mengenai penjagaan kebersihan tandas awam yang merupakan tanggungjawab bersama. JPP berperanan melantik ahli jawatankuasa dan sukarelawan seterusnya untuk melaksanakan pengauditan dan *star rating* serta aktiviti gotong-royong bersama komuniti bagi membersihkan tandas awam dan persekitarannya. Dalam hal ini, saya berharap agar semua Anggota JPP Melaka sentiasa menjadikan Buku Gerak Kerja JPP sebagai panduan untuk melaksanakan pelbagai program di bawah inisiatif tersebut.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

16. Selari dengan perkembangan semasa, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 24 Mei 2017 telah bersetuju dengan cadangan pindaan had umur bagi pelantikan JPP dalam kawasan PBT daripada 65 tahun kepada 69 tahun. Pindaan had umur ini juga

adalah selaras dengan had umur bagi pelantikan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP). Walau bagaimanapun, pindaan ini tidak akan mengurangkan penyertaan golongan belia dalam JPP. Ini kerana setiap JPP perlu memperuntukkan kuota sebanyak 20% kepada golongan belia.

17. Selain itu, Jemaah Menteri juga telah bersetuju memberi kuasa kepada YB Menteri KPKT untuk memberi pengecualian khas kepada Anggota JPP yang tidak memiliki kelayakan akademik Sijil Pelajaran Malaysia. Bagi memantapkan peranan JPP dalam melaksanakan program-program berkaitan kesejahteraan rakyat bandar, keanggotaan JPP perlulah lengkap dengan keanggotaan seramai 10 orang. Justeru, peranan Pengerusi setiap JPP adalah penting bagi memastikan keanggotaan JPP masing-masing lengkap sepenuhnya.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

18. Sebagaimana para hadirin sedia maklum, Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) ditubuhkan di setiap PBT bagi menyelaraskan dan memastikan kelancaran perjalanan JPP di setiap zon. MPP berperanan untuk menyelaraskan pelaksanaan program kesejahteraan bandar di setiap zon JPP, mendapatkan maklum balas bagi isu-isu kesejahteraan bandar serta meneliti dan membincangkan

cadangan program dan projek pembangunan di peringkat JPP. Sehubungan itu, MPP adalah merupakan platform yang terbaik untuk JPP menyuarakan pandangan/masalah serta mendapatkan maklum balas daripada Agensi Kerajaan mengenai isu-isu kesejahteraan bandar.

19. Manakala, bagi memperkasakan MPP dan JPP di seluruh negara, Majlis Perwakilan Penduduk Negeri (MPPNg) diwujudkan. MPPNg ditubuhkan di setiap negeri untuk menyelaras dan memantau kelancaran perjalanan MPP dan JPP. Pengerusi MPPNg berperanan untuk menyelaras dan memantau aktiviti serta Program Gerak Kerja JPP bersama Pengerusi MPP. Semoga dengan penubuhan MPP dan MPPNg ini akan memastikan peranan dan fungsi JPP dapat berjalan dengan lebih lancar.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

20. Selain penyampaian watakah JPP, Majlis pada hari ini juga akan menyaksikan penganugerahan sijil penarafan bintang kepada PBT di negeri Melaka bagi penilaian Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) 2016. SPB-PBT yang mula dilaksanakan pada 2008 adalah hasil keputusan Mesyuarat Majlis Negara Kerajaan Tempatan (MNKT) ke-57 pada tahun 2007, melibatkan semua PBT di seluruh Malaysia. SPB-PBT di

Semenanjung Malaysia telah diadakan sebanyak 4 kali iaitu pada tahun 2008, 2010, 2013 dan 2016.

21. SPB-PBT bertujuan untuk mengukur tahap prestasi penyampaian perkhidmatan PBT bagi bidang-bidang pengurusan organisasi, perkhidmatan teras, pengurusan pelanggan dan penglibatan komuniti serta pandangan penduduk.

22. Penarafan 5 bintang diberi kepada PBT yang mencapai markah 90% ke atas. Penarafan 4 bintang diberi kepada PBT yang mencapai markah 75-89%, manakala penarafan 3 bintang diberi kepada PBT yang mencapai markah 60-74%. Penarafan 2 bintang diberi kepada PBT yang mencapai markah 45-59% dan Penarafan 1 bintang diberi kepada PBT yang mencapai markah kurang daripada 45%. Sasaran nasional bagi SPB-PBT menjelang 2021 ialah 90% PBT di seluruh negara mencapai sekurang-kurangnya 4 bintang.

23. Pada tahun 2016, pelaksanaan SPB-PBT telah dijalankan di seluruh Semenanjung Malaysia dan Labuan yang melibatkan 101 PBT. Di Melaka, sebanyak 4 PBT telah dinilai. Berdasarkan prestasi pencapaian keseluruhan SPB-PBT negeri Melaka, Alhamdulillah, tidak ada PBT yang mendapat 2 atau 1 bintang. Sebanyak 3 PBT di Melaka ini telah menerima penarafan 4 bintang dan 1 PBT yang mendapat penarafan 5 bintang.

24. Tiga PBT yang telah mendapat penarafan 4 bintang bagi pelaksanaan SPB-PBT tahun 2016 adalah:

- i) Majlis Perbandaran Alor Gajah;
- ii) Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya; dan
- iii) Majlis Perbandaran Jasin.

25. Manakala, satu PBT yang mendapat penarafan 5 bintang adalah Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah. Tahniah diucapkan!

26. KPKT berharap kesemua PBT di Negeri ini dapat meneruskan prestasi yang lebih baik bagi mencapai tahap 5 bintang pada masa yang akan datang. Bagi KPKT, pencapaian bintang yang baik dalam kalangan PBT secara keseluruhannya menggambarkan penyampaian perkhidmatan PBT yang cemerlang. Penarafan ini penting untuk memastikan PBT benar-benar serius dalam memberi khidmat kepada rakyat.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

27. Dalam memantapkan lagi peranan PBT, pada masa hadapan, prestasi pengukuran SPB-PBT akan berdasarkan kepada kemampuan untuk memberi respon aduan yang cepat dan dilaksanakan menerusi *on-line*. Ini adalah merupakan kaedah kerja yang terkini. Dalam hal ini, kemudahan telah disediakan oleh KPKT

iaitu menerusi iKepoh yang boleh dimuat naik melalui *mobile*, *Google Play* atau *Apple Store* atau GAMMA Malaysia. Pada masa kini, 96 daripada 98 PBT di Semenanjung Malaysia telah menggunakan iKepoh. Ini telah menunjukkan bahawa majoriti PBT telah pun melaksanakan respon aduan menerusi *on-line*.

28. Kita juga suka melihat PBT yang dapat memanfaatkan garis panduan yang disediakan oleh pihak Kerajaan Persekutuan untuk dilaksanakan di negeri-negeri (jika masih ada yang belum menggunakannya). Garis panduan yang ada ini antaranya yang memberi rangsangan kepada ekonomi negara, seperti garis panduan penggunaan *Industrialised Building System (IBS)* bagi projek swasta. Ini adalah selaras dengan objektif pelaksanaan kaedah IBS untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti pembinaan, menyeragamkan reka bentuk, mempercepatkan tempoh pembinaan dan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing. Sehubungan itu, pentingnya kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang akan bersama berganding bahu untuk meningkatkan ekonomi negara.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

29. Saya sekali lagi ingin mengingatkan bahawa Kerajaan Persekutuan sentiasa prihatin terhadap kepentingan rakyat dan sering mendahulukan rakyat dalam mentadbir negara ini. Dalam

apa-apa jua perancangan atau program pembangunan negara kepentingan rakyat sentiasa diberikan keutamaan dan didahulukan.

30. Sekalung ucapan tahniah dan syabas kepada Anggota JPP Negeri Melaka yang telah dilantik. Semoga semua Anggota JPP akan terus menjalankan amanah yang diberikan dengan penuh tanggungjawab dan secara tidak langsung dapat memastikan program pembangunan negara yang dirancang oleh Kerajaan untuk rakyat dapat direalisasikan.

31. Akhir kata, saya juga ingin merakamkan penghargaan khas kepada Yang Amat Berhormat Datuk Seri Utama Ir. Haji Idris bin Haji Haron, Ketua Menteri Melaka di atas kerjasama yang diberikan kepada KPKT dalam menjayakan majlis pada hari ini.

JPP PEMANGKIN KESEJAHTERAAN RAKYAT

Sekian,

**Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.**